

8Y

ECONEWS

PM GESA PELABUR SAHAM RIAK SPEKULASI KETTERLALUAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pelabur saham supaya mengelakkan spekulasi berlebihan, sebaliknya melabur berdasarkan kepada asas-asas.

Beliau berkata, para pelabur tidak sewajarnya dikelirukan oleh khabar-khabar angin dan apa yang dikenali sebagai "tips".

Para pelabur sepatutnya berusaha untuk mengenali lebih dekat syarikat di mana seseorang membuat pelaburan, katanya ketika merasmikan persidangan "Pasaran-pasaran Modal Asia: Pertumbuhan Baru" di sini.

"Walaupun ada kebenaran di dalam pasaran spekulasi seseorang boleh memperolehi keuntungan lumayan jika dapat memilih syarikat yang betul, soalnya sekarang berapa kerapkah seseorang itu dapat berbuat demikian,"? tanya beliau.

Perdana Menteri akhir tahun lalu pernah memberi amaran agar para pelabur tidak membuat spekulasi di dalam pasaran saham. Bursa Saham Kuala Lumpur, yang disemarakan oleh spekulasi berterusan, mencatatkan kenaikan paling tinggi tahun lepas dengan jumlah dagangan harian mencecah setinggi satu bilion unit.

"Adalah menghairankan juga apabila para pelabur yang berpengalaman turut terperangkap dengan khabar-khabar angin yang serupa berulang-ulang kali walaupun khabar angin itu sudah berkali-kali terbukti tidak berasas," tambahnya.

Katanya, lebih banyak usaha yang serius diperlukan untuk mendidik para pelabur mengenai asas-asas pasaran saham ke arah mewujudkan bursa tempatan yang sihat yang boleh menyediakan modal secukupnya bagi pembangunan komersial di negara ini.

Dr Mahathir memuji Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kerana menerbitkan buku panduan tahunan syarikat-syarikat di dalam Bahasa Malaysia.

Sebelum itu, beliau berkata pasaran saham sering menjadi penukur kepada kemakmuran ekonomi sesebuah negara.

Katanya, negara-negara di Asia sepatutnya mewujudkan hubungan atau kerjasama bagi mengqembelngkan keupayaan dan pengalaman yang menguntungkan di rantau ini.

Usahasama strategik untuk kerjasama serantau di kalangan pasaran-pasaran modal boleh merintis jalan ke arah keserasamaan peraturan dan memajukan pasaran-pasaran modal masing-masing, tambahnya.

Satu penggerak kepada pasaran-pasaran modal Asia, kata Dr Mahathir, ialah di dalam pembiayaan projek prasarana melalui ekuiti atau pinjaman.

Pelaburan sejumlah AS\$1 trilion dianggar diperlukan dalam masa enam tahun akan datang bagi mengatasi kesulitan prasarana yang serius, katanya.

Katanya, asas penswastan yang kukuh di Asia akan terus menyemarakkan pembangunan pasaran-pasaran modal.

Sebanyak 40 projek telah dikenalpasti untuk diswastakan di Malaysia tahun ini, tambahnya, sambil berkata, ini termasuk bekalan air dan penjanaan kuasa.

Katanya, faktor utama dalam memastikan kejayaan rancangan penswastan ialah keseimbangan pembangunan sektor swasta dan modal swasta.

Mengenai pasaran hutang sekuriti swasta di Asia yang sebahagian besarnya belum dimajukan, Dr Mahathir berkata, sumbangan sekuriti hutang kepada jumlah dana yang dikumpulkan dalam pasaran modal tempatan meningkat daripada 3.4 peratus dalam tahun 1987 kepada 22.6 peratus pada 1992.

Sehingga Mei 1994, jumlah ini bertambah kepada 28 peratus, katanya, sambil menambah, jumlah ini masih di bawah paras antarabangsa di mana bon menyumbangkan lebih daripada separuh jumlah aliran modal antarabangsa. -- laqi

Mengenai peraturan pasaran saham, beliau berkata, "Secara semulajadi pasaran-pasaran saham, tidak boleh bebas sepenuhnya daripada pengawasan. Tanya perlu ada peraturan, dan tidak sentiasa bertindak balas dengan cepat terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi harga hingga menyebabkan dagangan yang aktif."

"Jika setiap urusniaga perlu diteliti oleh agensi-agensi pengawasan maka dagangan akan terhenti terus. Kesannya tiada pasaran langsung."

Sebaliknya, beliau berkata tanpa pengawasan, berbagai-bagai jenis amalan yang tidak sihat akan berlaku. "Akhirnya, jika amalan yang tidak sihat ini tidak dibendung, kita akan kehilangan keyakinan para pelabur. Jika keadaan berlambah buruk, pasaran saham akan terhenti."

Tiada siapapun yang telah menemui sukatan sebenar kebebasan dan pengawasan yang diperlukan, Dr Mahathir berkata.

Usaha-usaha buat masa ini sedang ditumpukan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang berkekalan di rantau ini dan mengubah pasaran modal Asia menjadi pasaran-pasaran kewangan sejaqat, tambahnya.

"Untuk Asia, tahun 1990an menjanjikan satu era sekuriti, iaitu, bagi alat-alat saham, bon dan kewangan," beliau berkata.

Katanya prospek jangka panjang rantau ini akan didorong oleh permintaan untuk pengembangan infrastruktur, penswastaaan fungsi-fungsi kerajaan yang berterusan serta permintaan untuk aliran modal antarabangsa.

Persidangan dua hari mengenai Pasaran-Pasaran Modal Asia: Kawasan Pertumbuhan dianjurkan oleh BSKI dan Institut Sekuriti Asia. -- Bernama